

# DASAR PENUBUHAN BADAN PELAJAR

## 1.0 Definisi

Merupakan peraturan atau polisi yang perlu difahami dan dilaksanakan oleh warga Universiti secara keseluruhan bagi mendukung usaha-usaha dalam membentuk dan melahirkan mahasiswa yang cakna kepada proses dan prosedur untuk menubuhkan sesebuah Badan Pelajar.

## 2.0 Latar Belakang

Setiap aktiviti yang ingin dijalankan oleh pelajar perlu melalui Badan Pelajar yang berdaftar di bawah JHEPA. Badan Pelajar yang ingin ditubuhkan perlulah berdasarkan 8 teras yang terkandung di dalam **Dasar Kokurikulum**.

8 Teras Pembangunan Mahasiswa terdiri daripada:

- i. Kepimpinan
- ii. Kebudayaan
- iii. Kesukanan
- iv. Khidmat Komuniti
- v. Kesukarelawan
- vi. Keusahawanan
- vii. Daya Usaha & Inovasi
- viii. Pengucapan Awam

Badan Pelajar yang ditubuhkan hendaklah menyokong nilai teras, misi dan visi UMP.

## 3.0 Objektif

- 3.1 Menjadi panduan dan peraturan kepada mahasiswa dan warga UMP mengenai tatacara penubuhan Badan Pelajar.
- 3.2 Memastikan Badan Pelajar baharu yang akan ditubuhkan menepati kriteria yang ditetapkan oleh Universiti dan berdaftar di bawah JHEPA.
- 3.3 Menyediakan ruang dan peluang kepada mahasiswa untuk melibatkan diri dalam aktiviti berpersatuan di Universiti.
- 3.4 Menyokong hasrat Universiti iaitu “1 Mahasiswa 1 Aktiviti”.

## 4.0 Cadangan

4.1 Jenis Pembiayaan  
Tiada

4.2 Kelayakan

Penubuhan Badan Pelajar perlulah melantik Jawatankuasa Penaja terlebih dahulu dengan keanggotaan yang berbilang kaum dan menyokong aspirasi negara.

4.3 Syarat-Syarat

- i. Permohonan Badan Pelajar mestilah melalui aplikasi atas talian **Sistem Permohonan Aktiviti Pelajar**.
- ii. Perlu mengemukakan kertas kerja dengan mengikut format yang telah ditetapkan.
- iii. Kriteria keahlian bagi sesebuah Badan Pelajar tertakluk kepada Persatuan Fakulti/Kolej Kediaman/Badan Pelajar tersebut.
- iv. Kelulusan, pembatalan dan pembubaran sesebuah Badan Pelajar tertakluk kepada kuasa mutlak Naib Canselor sepertimana yang telah termaktub di dalam Peraturan Universiti, Perlembagaan Universiti (AUKU)

4.4 Pembiayaan  
Tiada kos pembiayaan terlibat dalam penubuhan Badan Pelajar baharu.

4.5 Perbandingan  
Tiada